

Guna kaedah berbeza ikut usia, negeri banteras dadah



Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Dadah kekal sebagai musuh nombor satu negara apabila terus mengancam masa depan generasi muda. Data 2024 menunjukkan 192,857 penyalah guna dan penagih di negara ini dengan 61 peratus adalah belia berusia antara 15 hingga 39 tahun.

Ironinya, sudah sekian lama kerajaan melaksanakan pelbagai usaha menerusi penguatkuasaan hingga pencegahan melalui pendidikan. Namun, trend penyalahgunaan dan penagihan terus meningkat.

Justeru, kerajaan baru-baru ini, meluluskan Pelan Komunikasi Antidadah 2025-2027 bersifat menyeluruh dan bersasar, menumpukan pendekatan perubahan sikap, peningkatan kesedaran dan penyampaian maklumat tepat melalui sinergi pelbagai agensi ke arah gerakan nasional melawan

dadah secara kolektif.

Langkah ini tepat kerana pendekatan baharu bersifat inklusif diperlukan, yakni menyediakan program pencegahan bersasar dan menggunakan kaedah komunikasi berkesan.

Cabaran memerangi penyalahgunaan dadah semakin kompleks dengan wujud pelbagai bahan baharu sukar dikenal pasti dan mudah mengaburi

mata pihak berkuasa.

Oleh itu, program meningkatkan tahap kesedaran anggota masyarakat, khususnya belia perlu diperkasakan dan diberi nafas baharu.

Misalnya, teknik komunikasi baharu lebih strategik dan mengambil kira latar belakang setiap kumpulan sasar diperlukan. Ia tidak boleh sama untuk semua golongan, sebaliknya perlu lebih khusus, mengikut kumpulan usia dan latar belakang diri serta keluarga.

Kita tidak boleh melaksanakan kaedah sama, tetapi mengharapkan hasil berbeza.

Pendekatan komunikasi strategik, inovatif

Dalam konteks ini, pihak berkuasa wajar meneka kaedah komunikasi lebih inovatif dan kreatif menggantikan kaedah konvensional, selain teknik bersifat kos efektif.

Mesej perlu diselaraskan mengikut kumpulan sasaran, manakala teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) perlu dioptimumkan melalui pelbagai platform digital yang dekat dengan golongan remaja.

Memandangkan pihak berkuasa memiliki data dan statistik dari segi kumpulan usia dan negeri, maka gabungan pendekatan komunikasi strategik dan inovatif serta teknik penyelesaian masalah berdasarkan data perlu dijadikan formula berkesan.

Ini juga membolehkan pihak berkuasa mengenal pasti punca dan faktor, sekali gus merangka program pencegahan efektif serta sesuai dengan latar belakang mereka.

Konsep 'pencegahan bermula dari rumah' perlu terus diperkasakan melalui komitmen ibu bapa, ahli keluarga dan anggota masyarakat. Institusi keluarga perlu berfungsi dengan berkesan dan bertindak sebagai benteng mampu mencegah najis dadah menembusi keluarga masing-masing.

Malangnya, ramai ibu bapa terbabit dengan dadah, akhirnya anak terjebak sekali. Maka, pemerkasaan peranan institusi keluarga perlu diberi penekanan lebih serius.

Ibu bapa bukan saja perlu menjadi suri teladan kepada anak dengan menjauhi najis dadah, malah memberikan didikan sempurna mengenai ancaman serta kesan negatif bahan terlarang.

Pembabitan aktif komuniti dalam membanteras dadah di kawasan kejiranan juga perlu dimantapkan. Persatuan penduduk, ahli jawatankuasa surau dan masjid serta kawasan rukun tetangga (KRT) perlu menggerakkan komuniti akar umbi ke arah melahirkan masyarakat bebas dadah dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Penganjuran pelbagai aktiviti memupuk kesedaran komuniti perlu dilaksanakan secara berkala, termasuk dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan berkaitan.

Timbalan
Pengarah
(Komunikasi
Korporat), Pusat
Strategi Dan
Perhubungan
Korporat (PSPK),
Universiti Putra
Malaysia (UPM)